

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 10 OKTOBER 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI bakal tubuh MBOT	Utusan Malaysia
2	Malaysia's cyber security far from being secure	The Malay Mail
3	Agensi kerajaan perlu aktif untuk kekal relevan	Utusan Malaysia
4	'Hazy skies will not last long'	The Star
5	Keadaan banjir di Penampang pulih	Bernama.com
6	Hujan diramal berterusan di Sabah hingga rabu	Bernama.com
7	Gempa bumi kuat 6.7 melanda selatan East Pacific Rise	Bernama.com
8	Tembusi pasaran global	Harian Metro
9	Bukan semua wajib	Harian Metro
10	MITI sasar 30 peratus penyertaan PKS dalam pasaran global pada 2015	Bernama.com

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4  
TARIKH: 10 OKTOBER 2014 (JUMAAT)**

## MOSTI bakal tubuh MBOT

PUTRAJAYA 9 Okt. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menasarkan peningkatan bilangan penyelidik kepada 70 orang bagi setiap 10,000 tenaga kerja menjelang tahun 2020 sejajar dengan teras kedua Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN).

Menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata di sini hari ini, bagi mereali-sasikan hasrat tersebut pihaknya bercadang menubuhkan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) di mana Rang Undang-Undang penubuhannya kini hampir diluluskan.

Menurutnya, kewujudan MBOT dapat membantu dan menyokong usaha pelbagai agensi kerajaan untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja teknikal yang mahir dan cekap melalui penubuhannya.

# Malaysia's cyber security far from being secure



At least four banks in the country learnt the hard way how vulnerable their ATMs were to hacking.

THE issue of the Latin American gang that hacked into some of Malaysia's automated teller machines (ATMs) and absconded with a little over RM3 million is both frightening and eye-opening.

It should be an indication to us that our cyber security is grossly lacking and perhaps our money and personal information are not as safe as we once thought them to be.

If you have been following the news, you will know that the people who carried out this heist did it in a very simple manner, so much so that it is quite a shock that they were able to get away with so much of our money.

In short, the criminals installed a malware onto the ATMs that allowed them to withdraw money from the ATMs every time they inserted a code into the ATMs.

They were able to install the malware by way of the compact disc slot under the ATMs top panel which they simply popped open. All this was done out in the open and still nothing was discovered amiss until much later.

All the news reports of the investigation highlight certain aspects that led to the

By S.M. Mohamed Idris

criminal's success which include:

Most ATMs still use Windows XP (up to 95 per cent). It is an unprotected operating system as it has been discontinued by Microsoft and is no longer receiving security updates.

Old models of ATMs (NCR5587) that can be easily tampered with.

Most machines have not been updated in five years.

There is nothing stopping unauthorised access to ATMs beyond what the standard customer should be capable of.

To top this off, there is also a possibility that online banking and any monetary transactions carried out online could be very unsafe. With online banking comes the danger of phishing sites that collect personal information and hacking – money and personal information can be stolen if a compromised device such as a laptop or a mobile phone is being used for online

transactions.

It is an emerging trend among Malaysians to conduct many of their monetary transactions online such as bill payments, shopping, money transfers and investments.

This trend is a little worrying as according to the Sophos Security Threat report 2013, Malaysia ranked fifth most vulnerable country to cyber attacks.

Nevertheless, despite our obviously lax cyber security, citizens are being encouraged to conduct more and more of their transactions through online banking and e-payments; which is honestly a mind-boggling notion.

Proof of this includes the topic earlier this year where there was talk of banks charging a 50 sen processing fee per cheque starting April 1, 2014, which was then postponed to January 2, 2015 as many banks were still not equipped to accept e-payments.

As the issue of cyber security concerns both our money and personal information when it comes to the banking industry we have to ask, what is being done to increase Malaysia's cyber security and make our online banking safe?

How can we conduct e-payments with confidence when even our ATMs are easily tampered with? How many of us have already suffered because we have been rushed into online banking without looking at the possible repercussions and have not prepared for them?

One thing is for sure, the "basic layer" of protection that banks provide for their online and mobile banking is no longer enough. It seems the only options we have until responsible parties decide to strengthen our cyber security are to cower in fear of the cyber criminal; to be constantly looking over the virtual shoulder or to spend hefty sums on bank processing fees for physical transactions that are sure to increase the more we are "encouraged" to use e-payment.

Until our cyber security is not compromised, Bank Negara Malaysia should defer the implementation of mandatory online banking and e-payments.

S.M. Mohamed Idris is president of the Consumers Association of Penang

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 5**  
**TARIKH: 10 OKTOBER 2014 (JUMAAT)**

# Agensi kerajaan perlu aktif untuk kekal relevan

KUALA LUMPUR 9 Okt. - Setiap agensi kerajaan seharusnya bergiat aktif dalam mencipta, melaksana atau membahaskan pelbagai idea mahupun produk baharu bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian sekali gus memastikan perkhidmatan awam kekal relevan kepada rakyat.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, pendekatan budaya inovasi sosial tersebut seharusnya diperluaskan dan difahami seiring dengan kehendak dan harapan rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan awam.

"Rakyat inginkan perkhidmatan awam yang baik dan kita perlu relevan serta tidak boleh ketinggalan zaman dengan cara lama seperti budaya terlalu banyak proses dan melambatkan kerja yang bukan lagi menjadi amalan dalam perkhidmatan awam.

"Oleh itu, untuk memperbaiki sistem penyampaian dalam perkhidmatan awam, kita perlu sentiasa berfikiran kreatif dan ino-

vatif dalam memperkenalkan idea dan produk baharu kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2014 di sini hari ini.

AISA 2014 mengiktiraf penghasilan inovasi dalam empat bidang pengurusan iaitu pengurusan kewangan, pengurusan pentadbiran daerah dan tanah, pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi serta pengurusan pihak berkuasa tempatan.

Bagi kategori Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak telah dipilih sebagai pemenang, manakala Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) pula dipilih menerima Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan.

Empat agensi kerajaan pula telah dipilih menerima Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi iaitu Agensi Remote

Sensing Malaysia, Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta Persatuan Nelayan Kebangsaan.

Anugerah Inovasi Pentadbiran Daerah dan Tanah pula dimenangi Pejabat pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Setiap penerima anugerah membawa pulang wang tunai RM300,000 berserta trofi dan sijil.

Mengulas lanjut, Ali turut menyatakan agensi-agensi kerajaan untuk terus memperkasakan Unit Inovasi masing-masing dengan pelbagai strategi baharu secara berterusan dan bersepada.

"Unit Inovasi telah disarankan ditubuhkan di setiap agensi kerajaan bagi memandu dan menyelaras setiap program pembentukan dan penghasilan inovasi.

"Sehubungan itu, saya harap dengan adanya unit ini akan membolehkan lebih banyak idea yang berteraskan inovasi dapat diperkenalkan di semua jabatan," jelasnya.

# 'Hazy skies will not last long'

## Inter-monsoon expected to clear haze, says Meteorological Dept

**PETALING JAYA:** The hazy weather is expected to be temporary, says the Meteorological Department.

Meteorological officer Ambun Dindang said the current inter-monsoon season that the country was experiencing would help reduce the haze.

"We are experiencing the inter-monsoon season, which is expected to last until mid-November, with frequent thunderstorms and heavy rain mainly during the afternoon and evening over the west coast states of the peninsula, western Sabah and interior Sarawak.

"This can reduce the hazy condition in the country," he said in an email to *The Star*.

Despite the inter-monsoon season, the country is also experiencing dry weather conditions over most parts of the country except for Sabah and Sarawak.

However, the dry weather was also expected to be temporary, said Ambun.

"This situation is partly due to Typhoon Vongfong currently forming over northeastern Philippines and moving towards southern Japan.

"Lack of moisture in the atmosphere contributed to less rainfall in the country, especially peninsular Malaysia," he said.

The inter-monsoon season will be followed by the northeast monsoon



**Gloomy:** The API reading at 3pm may be 82, which is moderate, but it is hard to make out the Putrajaya signage.



season from mid-November until early March next year.

"During the northeast monsoon period, wetter weather conditions are expected throughout the coun-

try with five to six heavy rainfall episodes," Ambun added.

Meanwhile, Singapore's *The Straits Times* reported that Indonesia was expecting a delay in the start of the

rainy season and this could cause hazy weather in Singapore and Malaysia to last until at least the middle of the month depending on wind conditions.

A weather forecaster in Pekanbaru was quoted as saying that the rainy season, originally expected in early October in Riau province, will now start in the middle of the month at the earliest due to the El Nino phenomenon.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**

**TARIKH: 10 OKTOBER 2014 (JUMAAT)**



## **Keadaan Banjir Di Penampang Pulih**

KOTA KINABALU, 9 Okt (Bernama) -- Banjir yang menjelaskan 15 kampung di sekitar Penampang, Sabah pulih sepenuhnya dengan kesemua 400 mangsa yang ditempatkan sementara di Pusat Rekreasi, Kompleks Sukan Penampang dibenarkan pulang, sejak petang Rabu.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Penampang Jamaludin Hussin berkata kesemua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing selepas menerima bantuan banjir disampaikan Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah Datuk Jainab Ahmad Ayid, petang semalam.

"Bagaimanapun, bomba masih menjalankan pemantauan bagi menghadapi situasi banjir ini walaupun air telah surut dan tiada kawasan yang ditenggelami air," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, Khamis.

Menurut Jamaludin, setakat ini, air di Empangan Sungai Babagon berada di paras normal iaitu 6 meter.

Beliau menasihati penduduk agar tidak panik terhadap sebarang amaran termasuk bunyi siren dari Empangan Babagon, sebaliknya berwaspada dan peka jika berlaku peningkatan paras air di empangan itu.

"Saya sentiasa berhubung dengan penyelia pengurusan empangan dan tiada pelepasan air dilakukan, sebaliknya siren berbunyi kerana berlaku limpahan paras air di empangan itu dan penduduk diingatkan agar tidak mendekati sungai berdekatan," katanya.

Menurutnya, penduduk kampung di sekitar daerah ini boleh menghubungi pengurusan empangan yang sentiasa menyediakan laporan dalam tempoh 24 jam di talian 088-724023.

Kawasan terlibat banjir ekoran hujan berterusan sejak Isnin lepas termasuk Kampung Penampang Proper, Kampung Hungap, Kampung Tuavon, Kampung Tanaki, Kampung Kibabaig dan Bulatan Tanjak.

Ketika ini, keadaan hujan masih berterusan di sekitar Kota Kinabalu dan Penampang.

Menurut laman portal **Jabatan Meteorologi**, hujan sekejap-sekejap dan kadangkala lebat dilaporkan berlaku di Sabah khususnya di kawasan pantai barat dan diramal berterusan sehingga malam ini termasuk di Penampang.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 10 OKTOBER 2014 (JUMAAT)**



## **Hujan Diramal Berterusan Di Sabah Hingga Rabu**

KOTA KINABALU 9 Okt (Bernama) -- Hujan sekejap-sekejap dan kadang kala lebat terutama di kawasan pantai barat Sabah diramalkan berterusan sehingga Rabu depan.

Menurut portal **Jabatan Meteorologi**, antara kawasan yang bakal menerima kesan cuaca itu ialah Penampang, Kota Kinabalu, Tuaran, Kota Belud, Papar, Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang, Kudat dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Situasi itu boleh mengakibatkan banjir di kawasan rendah.

Angin kencang dari barat ke arah barat daya berkelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam turut diramal berlaku dengan ombak setinggi 3.5 meter di kawasan perairan pantai barat Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sehingga Ahad ini.

Keadaan ini berbahaya kepada bot kecil dan sukan laut

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 10 OKTOBER 2014 (JUMAAT)**



## **Gempa Bumi Kuat 6.7 Melanda Selatan East Pacific Rise**

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.7 skala Richter berlaku di selatan East Pacific Rise pada pukul 10.14 pagi Khamis.

Menurut kenyataan [\*\*Jabatan Meteorologi Malaysia\*\*](#), gempa itu berpusat di lokasi 3,495 kilometer (km) barat daya Concepcion, Chile dan 14,026km tenggara Semporna, Sabah.

Tiada ancaman tsunami dilaporkan, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

# Tembusi pasaran global

■ MITI sasar 30% penyertaan PKS menjelang tahun depan

Oleh Syarifah Dayana

Syed Bakri

dayana@hmetro.com.my

Seri Kembangan

**K**ementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) meletakkan sasaran kitaran penyertaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebanyak 30 peratus dalam pasaran global menjelang tahun depan.

Menyerahnya, Datuk Seri Mustapa Mohamad berkata, setakat ini 25 peratus daripada syarikat tempatan berjaya menembusi pasaran asing dan untuk menerokaiinya mereka perlu mematuhi semua standard komersial yang ditetapkan sebelum mengeksport barang dan perkhidmatan mereka.

"Kami berusaha keras untuk mencapai matlamat itu dan banyak lagi yang perlu dilakukan termasuk aspek tarif dan pelarasan standard bagi meningkatkan perdagangan global," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sijil dan trofi kepada 24 penerima sempena Forum National Mark of Malaysian Brand (NMMB) di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia, Datuk Hafsa Hashim berkata, ta-



MUSTAPA (tengah) menyampaikan sijil dan trofi kepada Pengarah Urusan Pro-Landscape Structure Sdn Bhd, Faris Abd Halim (kanan) sempena Forum NMMB, semalam.

hun ini adalah edisi kelima yang kami mahu bawa ke pasaran antarabangsa," katanya.

Sehingga kini, terdapat 102 syarikat sudah diperakui, melebihi sasaran 100 syarikat yang ditetapkan dalam tempoh lima tahun.

"Namun ia bukan berkaitan angka semata-mata tetapi kualiti syarikat terutamanya dengan jenama baik

yang kami mahu bawa ke pasaran antarabangsa," katanya.

Hafsa berkata, semua syarikat telah lulus dengan cemerlang penilaian sangat ketat oleh SIRIM QAS Sdn Bhd dan menghasilkan produk serta perkhidmatan terbaik.

"Syarikat yang sudah dipercayai itu berjaya meningkatkan jualan mereka da-

ripada lima peratus kepada sehingga 30 peratus setahun berikutnya akhirnya yang semakin besar di peringkat domestik dan antarabangsa," katanya.

Sejak 2010, sebanyak 102 syarikat berjaya mendapat pengiktirafan Jenama Malaysia dengan 98 daripadanya adalah daripada kategori PKS. Ia meliputi 87 syarikat daripada sektor pembuatan dan 15 (perkhidmatan).

Daripada keseluruhan perenerima anugerah, hanya lima syarikat dimiliki wanita.

**FAKTA**  
*Setakat ini hanya 25 peratus syarikat tempatan berjaya menembusi pasaran luar*

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 6**  
**TARIKH: 10 OKTOBER 2014 (JUMAAT)**

## Bukan semua wajib

**Kuala Lumpur:** "Bukan semua alat ganti kenderaan yang dijual wajib mendapat kelulusan sijil piawaian, sebaliknya ia cuma perlu mendapat pengesahan syarikat pengeluar."

Demikian kata Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Komunikasi dan Kepercayaan dan Keperluan (KPDNKK) Mohd Roslan Maha-yudin mengenai cabaran pihaknya untuk memerangi kebanjiran alat ganti kenderaan tiruan di pasaran negara ini.

Menurutnya, ketidaaan peraturan mewajibkan pengeluar alat ganti kenderaan mendapat kelulusan daripada Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) menyebabkan banyak pihak mengambil kesempatan mengeluarkan produk tanpa mencapai kualiti sepatutnya.

"Pengwujudan undang-undang berhubung isu ini dilihat sangat penting kerana ia membabitkan keselamatan pengguna kenderaan dan orang ramai.

"Pada masa ini hanya ada dua undang-undang khusus bagi penandaan ke atas alat ganti iaitu membabitkan produk topi keledar dan tayar," katanya.

Menurutnya, dua peruntukannya, dua undang-undang yang membolehkan KPDNKK mengambil tindakan itu adalah Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Topi Keledar Motosikal) 2012 dan Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Tayar Pneumatik) 2012.

"Satu lagi peruntukan undang-undang mengikut Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Barang Ganti Pelapik Brek) 2013 yang sudah diwartakan tetapi hanya akan dikuatkuasa pada November tahun ini," katanya.

**FAKTA**

*Tiada peraturan wajib pengeluar alat ganti kenderaan dapatkan kelulusan SIRIM*

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 10 OKTOBER 2014 (JUMAAT)**



## **MITI Sasar 30 Peratus Penyertaan PKS Dalam Pasaran Global Pada 2015**

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menyasar kadar penyertaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebanyak 30 peratus dalam perniagaan global pada tahun depan.

Menterinya Datuk Seri Mustapa Mohamad berkata setakat ini 25 peratus daripada syarikat tempatan telah mempunyai perangkaian dalam pasaran asing, dan untuk meneroka pasaran global mereka perlu mematuhi semua standard komersil yang ditetapkan sebelum mengeksport barang dan perkhidmatan mereka.

"Kami berusaha keras untuk mencapai matlamat itu dan banyak lagi yang perlu dilakukan dari segi tarif bukan halangan dan pelarasian standard bagi meningkatkan perdagangan global," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa Forum National Mark of Malaysian Brand (NMMB) di sini, Khamis, di mana beliau juga turut menyampaikan sijil dan trofi kepada 24 penerima.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia Datuk Hafsa Hashim berkata hari ini menandakan tahun kelima perbadanan itu menyampaikan anugerah kepada PKS yang bertapak di pasaran dunia menerusi penjenamaan.

Beliau berkata setakat ini 102 syarikat telah diperakui, melebihi sasaran 100 syarikat diperakui dalam tempoh lima tahun.

"Namun ia bukan tentang angka semata-mata tetapi kualiti syarikat terutamanya dengan jenama baik yang kami mahu bawa ke pasaran antarabangsa," katanya.

Hafsa berkata semua syarikat telah lulus dengan cemerlang penilaian sangat ketat oleh **SIRIM QAS Sdn Bhd** dan menghasilkan produk serta perkhidmatan terbaik.

Beliau berkata syarikat yang telah diperakui berjaya meningkatkan jualan mereka daripada lima peratus kepada sehingga 30 peratus setahun berikutan akses pasaran yang semakin besar di peringkat domestik dan antarabangsa.

Hafsa berkata sehingga Jumaat lepas 75,000 PKS telah mendaftar bagi CBP daripada jumlah kira-kira 150,000 PKS dengan jualan melebihi RM500,000, sambil menambah pada September, PKS membentuk 78 peratus daripada perniagaan yang mendaftar bagi CBP.